

Malaysia negara pertama hasilkan ethanol nira nipah

UM-7/11/2007

KUALA LUMPUR 6 Jan. - Sebuah loji pemprosesan bahan api ethanol daripada nira nipah akan dibina April tahun ini di Perak, sekali gus meletakkan Malaysia sebagai negara pertama di dunia melakukan kaedah sedemikian.

Pengerusi Pioneer Bio Industries Corporation Sdn. Bhd., Md. Badrul Shah Mohd. Nor berkata, loji itu yang dibina dengan kos RM200 juta akan didirikan di kawasan seluas 10 hektar di Hilir Perak pada April depan.

Menurutnya, ethanol dari pokok nipah telah terbukti sebagai komponen terpenting dalam penghasilan bio petrol dan berpotensi untuk pasaran dunia.

"Kami mendapati bio petrol baru ini juga sesuai digunakan untuk semua jenis kenderaan.

"Selain mampu menurunkan harga petrol, penggunaan ethanol dijangka mampu meningkatkan kualiti udara dan menguntungkan penanam pokok nipah," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Menurut beliau, Perak dipilih sebagai lokasi pertama pembinaan loji pemprosesan ethanol kerana di sepanjang pantai

negeri itu terdapat 35,000 hektar pokok nipah yang dikenal pasti berpotensi bagi tujuan tersebut.

"Setiap 10,000 hektar daripadanya mampu menghasilkan 290 juta tong ethanol atau 6.48 bilion liter," jelas beliau.

Md. Badrul berkata, pembinaan loji di Perak itu adalah sebahagian daripada 10 kilang penapisan yang bakal dibina oleh syarikat berkenaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Jika terlaksananya projek ini, ia bakal menjadi loji pertama di dunia yang mengeluarkan ethanol daripada nipah," katanya.

Menurut beliau, di Eropah, negara itu menggunakan ubi bit bagi menghasilkan ethanol manakala Brazil, penghasilannya tertumpu daripada tebu yang diadun dengan petrol.

Md. Badrul berkata, produk itu adalah praktikal untuk pengguna kenderaan bermotor kerana penggunaannya tidak memerlukan sebarang modifikasi dan sesuai untuk semua jenis enjin kenderaan.